

## MAKUM pemangkin kegiatan seni mahasiswa

**Kuala Terengganu:** Kewujudan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) menjadi pemangkin kepada kegiatan kesenian dalam kalangan pelajar. Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata pambaitan 20 universiti awam dalam MAKUM membuka peluang kepada mahasiswa untuk menjinakkan diri dalam aktiviti berkegiatan.

Beliau berkata, kumpulan itu perlu mengenali warisan dan kesenian kerana kebudayaan bukan datang daripada satu kaum saja.

"Sehubungan itu, mereka perlu jadikan aktiviti sebegini sebagai penanda aras memupuk semangat perpaduan kaum di Malaysia.

### Pemikiran kreatif

"Selain itu, aktiviti berkenaan dapat melahirkan mahasiswa yang mampu menghasilkan

daya pemikiran kreatif, motivasi yang cemerlang dan kerja berpasukan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Anugerah Seni MAKUM 2015 di sini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi MAKUM yang juga Timbalan Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Nik Wan Omar.

Dr Nik Wan berkata, antara anugerah yang disampaikan dalam majlis itu ialah Anugerah Bonang Emas untuk 20 pelajar; Anugerah Gambang Mustika kepada 20 pelajar dan kelab; Anugerah Citra Budiman Emas kepada 38 pegawai universiti; Anugerah Gong Kencana Emas, Kenang Budi, dan Sarung Wangsa.

Beliau berkata, MAKUM ditubuhkan di bawah Sekretariat Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor, Timbalan Rektor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Katanya, MAKUM membantu kerajaan dalam usaha menyebarkan aktiviti kesenian dalam

BERITA HARIAN 15/02/2016



Alimuddin (kanan) menyampaikan Anugerah Sarung Wangsa kepada Dr Nik Wan Omar pada Majlis Anugerah Seni MAKUM 2015.

kalangan generasi muda.

"Pihak universiti sentiasa menggalakkan kelab dan persatuan pelajar dari universiti awam untuk menjalankan aktiviti kesenian.

### Inisiatif beri anugerah

"Bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan aktiviti ini,

pihak kami mengambil inisiatif memberi anugerah kepada pelajar dan pegawai MAKUM.

"Anugerah ini diharap dapat memberi perangsang kepada pelajar untuk terus menjinakkan diri dalam seni kebudayaan serta meningkatkan semangat daya saing secara sihat," katanya.